

**TADIKA/TBK
DI DAERAH MUAR
JOHOR**

OLEH
IBRAHIM ABD RAHMAN
JABATAN SENILOGAM HALUS
KAJIAN SENILUKIS & SENIREKA
ITM SHAH ALAM
SELANGOR

<u>ISI KANDUNGAN</u>	<u>MUKA SURAT</u>
Pendahuluhan	
Peta Negeri Johor	7
Detail Petu Daerah Muar	8
Pengertian TADIKA/TBK	9
Tujuan TADIKA/TBK Dipperkenalkan	11
Sosio Ekonomi Penduduk Daerah Muar	13
Kelas-kelas TADIKA/TBK di Daerah Muar	16
Taman Bimbingan Kanak-kanak (TBK)	
Anjuran KEMAS	17
Sedikit Perbandingan	49
Kesimpulan	52
Penghargaan	59
Bibliografi	63

PENDAHULUAN

Tidak dinafikan, setiap ibubapa menaruh harapan yang besar terhadap anak-anak mereka. Harapan berupa cita-cita yang menjulang tinggi terus bermarak di lubuk sanubari. Jarang sekali terbantut padam. Si anak apabila besar diharapkan menjadi seorang yang berjaya dalam hidupnya, lagi berjasa dan berbakti kepada uga-ma, bangsa dan negara. Untuk memenuhi hasrat tersebut ibubapa sanggup memberikan anika kemu-dahan dan keperluan terhadap anak-anak mereka terutamanya keperluan-keperluan asasi termasuk pendidikan dan pelajaran.

Sekarang ini, di mana sahaja, tidak kira di bandar maupun di luar bandar, pendek kata asalkan sesuatu tempat itu telah menerima sedikit sebanyak penularan pembangunan, kesedaran ibubapa tentang pentingnya pelajaran begitu ketara. Malah kedapaten ibubapa dan ahli-ahli masyarakat seperti mana yang ditimbulkan oleh Prof. Atan bin Long sewaktu membentangkan kertas kerjanya dalam seminar 'Peranan Pelajaran Senilukis Dalam Pembangunan Negara' baru-baru ini mengatakan tentang "perasaan kebiasangan ibubapa terhadap polajaran-pelajaran yang diborikan kepada anak-anak mereka khususnya dan jenasi muda amnya tidak dapat menyediakan mereka untuk menghadapi masa hadapan yang penuh caba-ran." *1

*1 Prof. Atan bin Long, Dekan Fakulti Perkhidmatan Pendidikan Universiti Pertanian - Kertas kerjanya bertajuk 'Pentingnya Mata Pelajaran Senilukis di dalam perkembangan individu dari segi Kemanusiakan, (di IEN, Shah Alam), Disember, 1977.

PENGERTIAN TADIKA/TBK

"TADIKA dan TBK merupakan dua istilah yang berlairan tetapi dari segi konsep dan matlamatnya tidak begitu banyak perbedaannya. Walaupun begitu penyelewengan kedapatan berlaku oleh kerana sebab-sebab tertentu."

Demikian menurut salah seorang penyelia KELAS daerah Muar sewaktu ditemubual.

TADIKA potongan perkataan Taman Didikan Kanak-Kanak dan TBK ialah Taman Bimbingan Kanak-Kanak. Ini merupakan kelas-kelas khas untuk kanak-kanak pra-sekolah.

Kamus Polajar Federal memberikan makna didikan sebagai, "belaan; jagaan; latihan." ^{*1} Bimbingan diertikan, "pimpinan; panduan." ^{*2} Secara umum difahamkan bahawa TADIKA dan TBK seumpama ini merupakan tempat di mana kanak-kanak dari beberapa keluarga berkumpul dengan keadaan tempat dan alam sekeliling yang tertentu dan terdapat orang yang memimpin, memandu dan menjaga kanak-kanak tersebut menurut kaedah dan cara untuk tujuan bimbingan dan pendidikan. Dengan lain perkataan TADIKA dan TBK ini merupakan proses pendidikan awal terhadap pembangunan sosial, emosi, fizikal dan pemikiran kanak-kanak sebelum memasuki alam persekolahan sebenar.

*1 Mohd. Salleh Daud, Kamus Polajar Federal, 1973, h. 122.

*2 Seperti di atas, h. 60.

Perlu juga disentuh apa pula pendidikan itu. Para pendidik menggunakan istilah pendidikan dalam dua makna: "Dalam makna yang lebih luas ianya ber maksud segala pengaruh fizikal, biologi, akhlak, dan sosial yang membentuk aliran hidup individu dan negara; dan dalam makna yang lebih sempit ianya bererti hanya pengaruh-pengaruh khusus yang disusun dan dicipta oleh guru-guru." *1

"Dan erti mendidik pula adalah sama dengan pekerjaan poladang membuangkan duri dan mencabut rumput yang tumbuh di antara tanaman-tanaman, supaya segar hidup tanaman-tanaman itu dan subur tumbuhnya." *2

Jelas, pendidikan samada berupa pra-sekolah atau lainnya merupakan proses yang merangkum dan mempengaruhi segala aspek kehidupan murid-murid. Sebab itulah kehidupan sesebuah negara bergantung kepada pendidikannya. Satu peribahasa Cina tepat sekali mengatakan, "Jika kamu merancang untuk satu tahun, tanamlah gandum, jika kamu merancang untuk sepakat (10 tahun) tanamlah pokok, jika kamu merancang untuk satu ribu tahun tanamlah manusia." Demikian pentingnya pendidikan. Dengan menanamnya menghasilkan keuntungan ribuan tahun.

Di sudut lain boleh diambil kesimpulan bahawa sesuatu yang hendak dilaksanakan mestilah dibuat

*1 Prof. Khurshid Ahmad 'Prinsip-prinsip Pendidikan Islam', ABI, Percitakan Abadi Sdn. Berhad, 1974, h. 7.

*2 Imam Ghazali, Hai Anak (Fatwa terakhir kepada seorang murid), Percitakan Pustaka Melayu Baru, Kuala Lumpur, 1970, h. 29.